



PENDUDUK berpusu-pusu mendapatkan ikan percuma yang diberikan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang. - Gambar NSTP/SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

HM 2/1/2025 pg 21

## 10 tan ikan segar percuma 'laris' 1 jam

**Bukit Gantang:** Sebanyak 10 tan ikan segar diedarkan secara percuma kepada 10,000 penduduk di Parlimen Bukit Gantang, semalam sempena Tahun Baharu 2025.

Program pemberian ikan percuma selama dua hari di 31 lokasi di Dewan Undangan Negeri (Dun) Changkat Jering dan Kuala Sepetang itu selesai dalam tempoh kurang satu jam. Ahli Parlimen Bukit

Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, nilai keseluruhan ikan yang diberikan kepada penduduk hampir RM150,000.

Menurutnya, kesemua ikan itu dibeli dari pe-  
raih yang turun ke laut.

"Sumber bekalan saya beli dari pusat pe-

ngumpulan ikan dan saya agihkan secara percuma kepada penduduk di parlimen saya sempena sambutan tahun baru ini," katanya ditemui semalam.

Menurutnya, program itu dibuat bagi membantu penduduk mendapat sumber makanan lebih murah berbanding pa-

saran.

"Selain pemberian ikan percuma, saya turut merancang mengadakan beberapa program lain setiap awal bulan bagi membantu rakyat termasuk pelajar.

"Pada 1 Februari nanti, kita akan memberikan bantuan kepada pelajar manakala pada 1 Mac, kita akan teruskan program bantuan kepada ibu tunggal sempena menyambut Ramadan," katanya.

Nilai keseluruhan ikan yang diberikan kepada penduduk hampir RM150,000